

# Ihya Ramadhan SST Tadarus Al-Quran Kuliah Jumaat Berbuka Puasa

Artikel oleh: Mohamad Zul Hilmey Makmud



Program Ihya Ramadhan Sekolah Sains dan Teknologi telah diadakan pada 20 Julai hingga 10 Ogos 2012. Program ini adalah bertujuan untuk menyemarakkan penghayatan di bulan ramadhan sebagai bulan transformasi ke arah kecemerlangan umat Islam. Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah kuliah Jumaat, tadarus Al-Quran, dan majlis berbuka puasa. Kuliah Jumaat dijalankan sebanyak 4 siri dengan kehadiran yang sangat memberangsangkan di kalangan warga Muslim SST. Bagi tadarus Al-Quran, ia dijalankan setiap kali selesai solat zuhur secara berjemaah. Manakala majlis berbuka puasa pada 9 Ogos 2012 menjadi acara penutup tirai program ihyā Ramadhan ini. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Prof. Datuk Dr Harun Abdullah, (Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi ketika itu) sebagai tetamu kehormat.

